

## **SERONOKNYA MELANCONG DI KUCHING**

Siti Nurakhilah binti Razali, 1172407,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

*Disiarkan pada 21 July 2020*

Segelintir rakyat Malaysia lebih gemar berlibur di luar negara seperti di London, Jepun, Eropah atau Asia Barat. Kecenderungan sebegini boleh merugikan negara kita sendiri yang tidak kurang hebatnya dari segi lokasi-lokasi pelancongan yang ditawarkan.

Walaupun pernah melancong ke luar negara, kecintaan saya terhadap keunikan adat dan budaya tempatan di Malaysia tidak pernah pudar.

Atas sebab itu kami sekeluarga memilih untuk melancong ke Kuching, Sarawak pada awal Februari lalu bagi mengalami sendiri keunikan Bumi Kenyalang.

Pada masa itu, kerajaan masih belum mengisytiharkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, kami tidak mahu mengambil risiko terkena jangkitan lalu mematuhi langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

### **TERIMA TETAMU**

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, kami disambut oleh hujan renyai-renyai yang membasahi bumi.

Perjalanan yang mengambil masa tidak sampai dua jam dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) tidaklah terasa begitu memegalkan urat.

Selesai sahaja urusan di lapangan terbang, kami bertemu sahabat sejawatan dengan ayah ketika bekerja dahulu, Encik Umadi atau lebih senang dipanggil pakcik Umadi.

Urusan kami sekeluarga menjadi lebih mudah dan lancar dengan bantuan pakcik Umadi. Hendak dikatakan hubungan ayah dengan beliau terlalu akrab, tidaklah seperti belangkas, atau bagaikan isi dengan kuku.

Memadailah saya katakan layanan mesra yang diterima sejak hari pertama tiba di Kuching, serta jemputan makan malam bersama keluarga pakcik Umadi di Pa Rim Pan, Metro City pada malam kedua sangatlah mengujakan.

Pakcik Umadi jugalah yang membuat bancian awal lokasi penginapan kami serta kenderaan pacuan empat roda yang membawa kami ke destinasi pilihan.



Makan malam bersama keluarga Pakcik Umadi di Pa Rim Pan, Metro City.

### **PILIHAN ATAU CADANGAN?**

Seterusnya, abang Din. Sudah pasti, dia seorang pemandu pelancong yang sangat bagus. Perkhidmatan abang Din seharusnya dipuji kerana kejujuran dan ketulusannya sepanjang bersama kami.

Tidak lokek senyuman dan ringan mulut berkongsi segala maklumat menarik berkaitan ibu negeri Sarawak. Pantas memacu kenderaan empat roda Toyota Innova, beliau terus membawa kami menjamah makan tengah hari di kedai makan bernama 'Setapak'.

Memang berselera kami semua mengisi perut. Namun, siapa sangka keenakan rendang ayam serta sambal yang dihidangkan menjadi igauan kami pada hari berikutnya.

Mungkin anda ingin tahu, apakah itu setapak? Menurut pemahaman saya setelah dijelaskan oleh abang Din, rupa-rupanya setapak boleh disamakan maknanya dengan sepinggan, iaitu membawa maksud sepinggan nasi dan lauk-pauk hanya berharga RM5.

Ini adalah antara budaya yang perlu diteruskan di mana-mana tempat tidak kira kepada rakyat tempatan atau pelancong yang pertama kali menjejakkan kaki di situ.

Bukannya dengan meletakkan harga yang tidak masuk akal terhadap pelanggan yang bukan rakyat tempatan.

Sepanjang di Bumi Kenyalang, kami berkesempatan mengunjungi Perkampungan Budaya Sarawak, Tugu Kucing dan Kedai Kek Lapis Warisan.

Apa yang pasti, pengalaman melancong di Kuching tidak akan saya lupakan terutamanya dari segi mengenal budaya dan adat resam masyarakat setempat di negeri terbesar di Malaysia itu.



Tugu Kucing,  
Bandar Raya Kuching, Sarawak



Kampung Budaya Sarawak.



Kedai Kek Lapis Warisan.





Proses penyediaan kek lapis Sarawak.